

# JEPUN MULA TERIMA EAEC — MAHATHIR

U.M. 22 OCT 1992

SUBANG 21 Okt. — Tokoh-tokoh usahawan dan pegawai Jepun kini mula menunjukkan minat untuk mengetahui secara lebih mendalam mengenai penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau yang menyambut baik reaksi itu memberitahu, pendirian Kerajaan Jepun merupakan satu perkembangan baru yang sebelum ini tidak begitu ketara.

"Sekarang sudah ada usaha di pihak Jepun dan para peniaga mereka untuk mengetahui lebih lanjut mengenai EAEC," katanya kepada para pemberi-

ta sejeurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang di sini hari ini daripada lawatannya ke Hong Kong dan Jepun.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada terdapat sebarang perubahan dasar atau reaksi terbaru Kerajaan Jepun terhadap cadangan penubuhan EAEC.

## Konsep

Menurut Dr. Mahathir, konsep EAEC juga telah dijelaskan dengan lebih lanjut kepada Kerajaan Jepun oleh Menteri Luar, Dato' Abdullah Ahmad Badawi baru-baru ini.

Perdana Menteri seterusnya memberitahu beliau juga berkesempatan menerangkan lebih mendalam mengenai konsep EAEC dalam satu wawancara khas dengan sebuah akhbar perniagaan terkemuka Jepun, *Nihon Keizan*

LIHAT MUKA 2

# JEPUN MULA TERIMA EAEC

Shimbu, 22 OCT 1992

Perdana Menteri kedua Malaysia, Perdana Menteri berkata, perkara itu telah diputuskan dan kerajaan akan meneruskannya.

Kata Dr. Mahathir, beliau telah ditanya dengan panjang lebar mengenai EAEC dalam temuramah itu. Ditanya sama ada isu itu turut dibangkitkan dalam peremuannya dengan Perdana Menteri Jepun, Kiichi Miyazawa, Dr. Mahathir berkata, perkara itu tidak berbangkit.

Mengenai kapal kargo pembawa plutonium, *Akatsuki Maru* yang dijangka melalui Selat Melaka, beliau memberitahu, ia telahpun dibangkitkan dengan mendalam oleh Menteri Luar, Dato' Abdullah Ahmad Badawi kepada pihak Jepun.

Berhubung projek kereta na-

"Kita telahpun berbincang dengan Syarikat Daihatsu dan Mitsubishi, mereka telah menerima projek ini, cuma terdapat beberapa perkara berbangkit dari segi pengurusan yang perlu diselesaikan. terpuhlah kepada syarikat tersebut menyelesaikannya," kata Dr. Mahathir.

Mengulas mengenai lawatannya itu, beliau memberitahu, beberapa perkara telah dibangkitkan dengan Kerajaan Jepun" ini termasuklah soal hubungan dua hala, EAEC dan masalah antarabangsa.

Sementara itu, Perdana Menteri telah diberi taklimat hampir sejam mengenai kebakaran Pusat Kawalan Udara Terminal Satu, lapangan terbang itu oleh pihak pengurusan Tabatan Penerbangan Awam (DCA), pegawai-pegawai tinggi polis dan pengurusan Penerbangan Malaysia.

Beliau juga telah dibawa melawat ke tempat kebakaran.

Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Dr. Ling Liong Sik yang turut mengiringi Dr. Mahathir memberitahu para pemberita, Perdana Menteri memandang serius akan kejadian itu dan masalah yang timbul akibatnya.